



**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR  
KALI KE-147 BIL. 21/2024**

**PEMBUBARAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH  
SESI 2023/2024**

Suruhanjaya Pemilihan MPP Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (SPMPP-UMPSA) ingin mengumumkan pada hari **SELASA, 1 OKTOBER 2024** berdasarkan peruntukan di bawah perkara 40 (1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang, Peraturan – Peraturan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar), maka dengan ini diisytiharkan bahawa **Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah adalah DIBUBARKAN.**

Oleh itu, pembubaran rasmi MPP **berkuatkuasa serta merta** selepas notis pembubaran MPP ini dikeluarkan. Berikutan itu juga bagi pemegang jawatan dalam exco MPP akan terus memegang jawatan masing – masing sehingga pembentukan kabinet baru MPP diumumkan oleh Naib Canselor.

Sehubungan dengan pemakluman pembubaran ini, seluruh warga universiti diharapkan mengambil maklum serta meberi kerjasama dengan baik supaya tugas dan tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

Sekian, Terima kasih.

***“MALAYSIA MADANI”***  
***“SALAM KESATUAN MAHASISWA”***  
***“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”***  
***“TEKNOLOGI UNTUK MASYARAKAT”***

**SURUHANJAYA PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH  
SESI 2024/2025**

**1 OKTOBER 2024**